

## PELESTARIAN ISTILAH SENI TENUN MELAYU : SISTEM KONSEP DAN PENTAKRIFAN

*Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid,  
Alademi Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya,*

### PENGENALAN

*Kamus Dewan Edisi Keempat (2005)* mendefinisikan pelestarian sebagai kehilangan daripada kemusnahan. Konsep ini menekankan persoalan perlindungan kepada warisan seni budaya Melayu daripada terus pupus dan menentukan jati diri bangsa Melayu itu sendiri dalam mendepani arus globalisasi. Dalam konteks ini, bahasa merupakan unsur budaya yang perlu dipertahankan. Bahasa sebagai unsur budaya boleh berubah dan menerima perubahan dengan cepat. Namun begitu perubahan dalam bahasa haruslah dikawal agar kemurnian bahasa itu tidak tercemar. Penghasilan budaya material seperti tenunan, sulaman, tekat, dan ukiran merupakan antara seni halus yang begitu sinonim dengan masyarakat Melayu. Salah satu unsur perbendaharaan kata bahasa Melayu terkandung dalam budaya material ini ialah seni tenun Melayu.

Perkembangan tenunan di Malaysia dipercayai berkaitan dengan pendatang yang kebanyakannya terdiri daripada pedagang-pedagang. Pedagang-pedagang dari Jawa, Kepulauan Maluku, Borneo, dan Bugis telah memperkenalkan beberapa jenis kain tenunan. Beberapa corak tenunan yang dihasilkan di Terengganu dan di Kelantan misalnya telah diberi nama seperti tempat asal pedagang-pedagang tersebut. Dengan ini terdapat tenunan corak Samarenda (Borneo Timur), corak Bugis dan corak Palembang. Tenun biasa ialah tenunan yang menghasilkan kain yang sering digunakan oleh golongan masyarakat biasa, terutama tenunan yang dibuat daripada bahan benang kapas. Benang sutera juga digunakan tetapi harganya lebih mahal daripada tenunan benang kapas. Tenunan kapas juga dipercayai merupakan tenunan pertama yang wujud di Kelantan dan lebih dikenali sebagai kain tenun balas

dan setuli benang.<sup>188</sup> Bagi masyarakat Iban di Sarawak pula, tenunan kain pua atau dikenali juga sebagai tenunan ikat merupakan seni tenunan yang dihasilkan oleh wanita Iban. Tenunan ini dihasilkan daripada benang kapas yang ditunen menggunakan 'Kek Iban'. Pua Kumbu pula merupakan salah satu jenis kain pua yang popular di kalangan masyarakat Sarawak. Kain tenunan ini bewarna kemerah-merahan atau coklat tua. Seni tenun mempunyai kosa katanya tersendiri yang digunakan oleh masyarakat yang menghasilkan kain tenun baik ianya kain tenun biasa, songket, atau pua. Pelestarian kosa kata dalam bidang ini amat penting kerana kemasukan teknologi baharu dalam bidang tekstil akan menghapus kaedah tradisional yang diamalkan kini. Oleh itu pengumpulan kosa kata ini perlu dilakukan agar inventorisasi teknologi Melayu diperkukuhkan dan perbendaharaan kata bahasa Melayu terus dilestarikan dalam masyarakat yang menghasilkan seni yang indah, halus, dan menarik. Kaedah yang dilakukan ialah pengumpulan istilah yang berasaskan pemetaan sistem konsep serta pentakrifan.

## SISTEM KONSEP DAN PENTAKRIFAN

Konsep merupakan unsur fikiran atau gambaran mental sesuatu objek - benda atau bukan benda. Satu konsep juga menggambarkan satu benda, atau secara abstrak, mempunyai satu set benda yang kualiti masing-masingnya sama. Dalam kajian ini, konsep yang didukung ialah pembentukan istilah seni tenun Melayu yang mengumpulkan perbendaharaan kata Melayu dan kata Melayu serumpun. Pendekatan berorientasikan konsep amat penting kerana konsep bertindak sebagai penyusun mental (klasifikasi) dengan bantuan simbol linguistik (istilah, huruf, dan simbol grafik) untuk tujuan komunikasi. Konsep juga dikatakan sebagai satuan fikiran. Satuan fikiran ini tidak sama dengan rujukannya kerana konsep itu bersifat abstrak. Satu konsep boleh menggambarkan satu objek atau satu set objek yang mempunyai ciri-ciri tertentu. Konsep bukan sahaja merujuk kepada benda dan peristiwa tetapi kepada sifat dan perkaitan. Apa yang dianggap umum pada suatu objek, diringkaskan secara mental dan dilahirkan oleh konsep. Dalam pengumpulan istilah alat tenun, iaitu kek didapati bahawa konsep alat itu bersifat umum manakala ciri-ciri yang ada pada alat tenun itu akan memberikan satu ciri pembeza bagi konsep alat seperti alat tenun di Semenanjung dengan alat tenun di Sabah dan Sarawak. Konsep dapat bertindak sebagai alat arahan mental yang dilambangi atau diwakili oleh simbol-simbol linguistik seperti huruf, simbol grafik dan sebagainya. Dalam hal ini lambang bagi alat tersebut ialah huruf-huruf, iaitu kek. Konsep ini menjadi alat penghubung atau pengutus antara individu baik secara lisan atau tulisan. Pewujudan konsep berkait rapat dengan pentakrifan.

Dalam konteks terminologi, takrif ialah keterangan atau perihalan tentang konsep sesuatu istilah. Takrif/definisi memberikan penjelasan suatu konsep oleh konsep yang lain. Takrif ini ada yang panjang dan ada yang pendek bergantung kepada keluasan konsep sesuatu istilah itu. Umumnya pentakrifan merupakan proses penjelasan makna dari segi linguistik yang menyatakan lambang. Sebagai keluaran penjelasan makna dari segi linguistik yang berdasarkan senarai sejumlah ciri, yang takrif ialah huraian linguistik suatu konsep, berdasarkan senarai sejumlah ciri, yang menyampaikan makna suatu konsep itu. Takrif umum atau bersifat ensiklopedia menghuraikan sesuatu konsep yang dapat saling difahami dengan memberikan semua fungsinya dan sebagainya dalam bidang masing-masing. Takrif khusus menghuraikan suatu konsep dalam bidang khas. Oleh itu dalam penyediaan takrif bidang seni tenun, pendekatan berorientasikan konsep diutamakan walaupun

<sup>188</sup> "Seni Tenun Melayu" daripada Kementerian Kebudayaan dan Warisan  
<http://malaysiana.pnm.my/04/0404kaintenun.htm>

penerbitannya boleh disusun mengikut abjad. Apa yang penting ialah setiap takrif memberikan penjelasan kepada pengguna bahasa tentang kedudukan istilah tertentu dalam sistem konsep.

Sebelum mentakrif, kita hendaklah menentukan kedudukan konsep dalam sistem konsep. Pertalian konsep dengan konsep disebut sistem konsep. Pendekatan yang sistematik dapat menghindarkan daripada pentakrifan yang tidak tepat. Suatu takrif istilah memberikan pengenalan unik suatu konsep sahaja dengan rujukan kepada sistem konsep yang membentuk bahagian dan mengelaskan konsep itu dalam sistem itu. Istilah yang sesuai bagi sesuatu konsep itu tidak akan diperolehi sehinggalah konsep itu ditakrifkan. Hal ini berkait pula dengan ciri dalam sistem konsep dan pentakrifan.

Ciri memainkan peranan utama dalam pembinaan sistem konsep dan pentakrifan. Struktur sistem konsep yang dibina bergantung kepada pemilihan ciri-ciri yang dilakukan. Ciri akan menentukan kedudukan konsep dalam sistem konsepnya. Dalam terminologi, konsep sesuatu objek itu tidak wujud bersendirian tetapi mempunyai hubungan dengan konsep-konsep lain dalam bidang yang sama. Sebagai contoh, perkataan concept dalam bahasa Inggeris mempunyai konsep tersendiri, iaitu "gambaran mental mengenai sesuatu benda atau bukan benda, sifat, tindakan, proses, kedudukan, keadaan atau hubungan". Daripada konsep tersebut kita boleh menganalisis ciri-cirinya, iaitu ciri intensi ialah gambaran mental dan ciri ekstensi ialah sifat, tindakan, proses, kedudukan, keadaan atau hubungan tetapi tidak kelihatan ciri intrinsik dan ekstrinsik. Oleh itu sifat ciri concept tidak kompleks. Berdasarkan analisis tersebut, pakar terminologi perlulah memperuntukkan satu simbol bagi mewakili konsep tersebut. Banyak pilihan yang boleh dikaji dalam bahasa Melayu, iaitu kata (simbol linguistik) gagasan, tanggapan, fikiran, rancangan, idea, konsep atau gambaran mental. Pemilihan ini mestilah berdasarkan keutamaan ciri-ciri yang menepati konsep yang dibicarakan. Dalam usaha ini pakar istilah terpaksa melalui satu lagi tahap, iaitu penentuan concept dalam sistem konsep sebelum dapat memberikan satu simbol bagi konsep tersebut.

Sistem konsep bergantung kepada jenis ciri yang dipilih. Sistem konsep boleh dibina sekiranya ciri bebas. Sekiranya ciri tidak bebas, sistem yang dibina mestilah melalui jujukan tertentu. Namun demikian perlulah diingati bahawa kewujudan dua sistem konsep juga boleh berlaku dengan struktur yang berlainan bagi satu bidang subjek yang khusus. Tujuan utama dalam terminologi ialah untuk menghasilkan sekumpulan istilah yang saling berkaitan konsep dalam satu sistem konsep tentang sesuatu bidang. Oleh itu seringkali dibangkitkan oleh pakar terminologi bahawa setiap istilah yang dibentuk seharusnya mempunyai perkaitan konsep antara satu istilah dengan yang lain kerana konsep tidak wujud bersendirian.

Menurut Sager (1995:22), teori konsep bagi terminologi sebenarnya hanyalah menyediakan huraian yang cukup bagi motivasi kognitif dalam pembentukan istilah dan menyediakan asas bagi penyusunan kosa kata dalam cara yang lebih berkesan menurut urutan abjad. Hakikatnya tidak ada konsep yang benar-benar baru selain wujudnya perkaitan dengan konsep lain. Konsep yang dikatakan baru wujud daripada konsep yang sedia ada. Hal yang perlu diperhatikan di sini ialah perbezaan objek dan konsep. Hidup ini di kelilingi oleh pelbagai objek, manakala konsep hanyalah merupakan gambaran mental tentang sifat objek tersebut. Konsep tidak dapat dipegang atau dirasa. Konsep hanya bermain dalam kepala individu. Oleh itu pemetaan konsep dalam bidang ilmu berkaitan rapat dengan ciri-ciri dalam pentakrifan sesuatu istilah. Pemetaan konsep yang jelas dapat membantu mengukuhkan kedudukan sesuatu kata sebagai istilah yang utuh dalam sesuatu bidang. Oleh itu dalam usaha melestarikan bahasa Melayu, penyusun inventori kata baik seorang ahli leksikografi, ahli terminologi, atau penyusun tesaurus perlulah


memahami pendekatan konsep dan kepentingan takrif agar bentuk bahasa yang dirakam tepat dan betul penggunaannya.

### PEMETAAN KONSEP SENI TENUN

Menurut Sulaiman Masri (1992:86) bahawa sebarang kerja terminologi mestilah bermula dengan konsep. Tujuannya adalah untuk membataskan konsep itu sendiri. Dalam kajian terminologi seni tenun, konsep yang dilahirkan banyak berkaitan dengan bidang ini sahaja. Takrif untuk kegunaan pembentukan istilah pula hendaklah berupa perihalan tentang intensi konsep itu didasarkan kepada sistem konsep. Hal ini bermakna unsur utama haruslah dapat menjelaskan kedudukan konsep dalam agregat yang berhubungan antara satu istilah dengan yang lain.

Zubaidi Abas (2000) mengatakan konsep yang ditakrifkan perlu diberikan genus terhampirnya yang dilambangkan oleh istilah yang sedia ada dan kemudian dibatasi dengan ciri khusus yang dapat membezakan konsep yang ditakrifkan daripada konsep lain yang berhubungan. Takrif untuk kegunaan pembentukan istilah hendaklah mengandungi jumlah ciri pembeza yang berpadu. Jika lebih daripada satu ciri pembeza diperlukan, susunan ciri itu dalam takrif hendaklah menurut keutamaannya. Jujuk istilah pula hendaklah terdiri daripada gabungan unsur utama takrif.

Dalam membicarakan konsep seni tenun, pendekatan yang digunakan ialah pengkategorian konsep asas bidang ini, iaitu bahan, alat, proses, teknik, dan hasil. Setiap konsep asas ini akan dipecahkan pula kepada beberapa kategori subkonsep yang lebih kecil berdasarkan ciri-ciri intensi dan ekstensi yang ada pada objek tersebut. Perincian ini dapat dilihat pada rajah di bawah:



Rajah 1 : Pemetaan Konsep Asas Seni Tenun


Berdasarkan rajah di atas, unsur yang ketara menunjukkan hubungan konsep dan istilah. Seni merupakan genus kepada seni pertukangan tangan, manakala kelompok istilah seni batik, seni anyam, seni tenun, seni tembikar dan seni ukir merupakan spesies. Walaupun terdapat ciri-ciri yang sama antara kelima-lima bidang itu, yakni penghasilan barangan tradisional berasaskan pertukangan tangan tetapi ciri pembezanya ialah kaedah menghasilkannya sama ada melalui menenun, menganyam, membatik, mengukir, dan melagang. Ciri pembeza ini akan menghasilkan takrif yang menekankan ciri ekstrinsik, iaitu bagaimana sesuatu hasil seni itu dicipta.

Peta konsep ini juga menunjukkan hubungan yang dikatakan hirarki, iaitu penekanan kepada genus-spesies yang memperlihatkan generik khusus dalam sesuatu bidang. Selanjutnya ciri pembeza menghasilkan subkategori konsep, iaitu bahan, alat, proses, teknik, dan hasil. Pembahagian ini akan memudahkan pengkaji untuk memerihalkan kewujudan istilah bagi setiap subkategori dan juga memudahkan penyusunan konsep istilah bidang seni tenun. Setiap subkategori tersebut pula mempunyai cirinya tersendiri yang akan memperlihatkan kesinambungan dengan peta-peta konsep lain.

Takrif bagi subkategori *alat* ialah barang yang diperlukan atau digunakan untuk membuat atau menghasilkan sesuatu, *bahan* pula ialah sesuatu atau beberapa benda yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu, manakala *teknik* ialah pengetahuan yang berkaitan dengan pembuatan barang-barang hasil industri. Seterusnya takrif bagi subkategori *proses* ialah satu siri tindakan yang dilakukan untuk membuat, menghasilkan atau mencapai sesuatu. Akhirnya takrif bagi subkategori *hasil* ialah sesuatu yang diperoleh daripada tanah, usaha atau kegiatan tertentu.

Pentakrifan yang diberikan di atas merupakan pendekatan kamus yang membantu pengkaji untuk meneliti setiap subkategori dengan lebih mudah. Penyediaan takrif bagi glosari istilah agak berbeza dengan kamus umum kerana penekanan unsur sistem konsep lebih diutamakan dalam terminologi bahasa Melayu berbanding kamus umum yang menekankan kepada hubungan makna dengan kata manakala penyediaan takrif glosari ialah hubungan istilah dengan konsep.

Ciri pembeza ini penting kerana pakar bagi bidang leksikografi dan pakar bidang terminologi berkerja dengan bahan bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu, cuma pendekatannya sahaja yang berbeza. Hasilnya boleh berupa kamus umum dengan pemberian takrif yang bersifat umum manakala pentakrifan dalam glosari istilah agak mengkhusus kepada bidang yang dikaji. Apa pun usaha ini akan mengukuhkan pelestarian bahasa Melayu dalam menghadapi kemasukan unsur asing melalui perakaman kata Melayu serumpun.



**Rajah 2 : Pemetaan Konsep Bahan Seni Tenun**

Pemetaan di atas berdasarkan konsep bahan. Pentakrifan bagi istilah yang dihubungkan dalam peta konsep di atas adalah seperti yang berikut:

**bahan** - Sesuatu atau beberapa benda (barang dan sebagainya) yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu atau untuk sesuatu tujuan.

**benang** - Tali halus daripada kapas, sutera, dan lain-lain yang digunakan untuk menenun atau menjahit.

**benang tenun** - Bahan daripada kapas, sutera, poliester, emas, perak, dan lain-lain yang ditenun menjadi kain.

**benang asing** - Bahan daripada nilon, guni, jerami, dan lain-lain yang digunakan dalam menenun seperti membuat *karat*, mengikat *butang*, mengikat *sumbi* dan *genu* serta *menjalin karat*.

benang pakan – *Benang tenun* yang melintang dan dilalukan di antara *benang lungsin* dari kiri ke kanan atau sebaliknya, dengan sama ada menggunakan ttorak, cuban, atau tangan dalam menghasilkan kain tenun. *pakan*.

benang lungsin – *Benang tenun* yang dipasang memanjang dari *kepala kek* ke *hujung kek* melalui *jentera* dan *karat* untuk menghasilkan kain tenun. Dalam tenun Iranun, lungsin dipasang pada *saulayak* yang kemudiannya digantung pada *paguta*.

benang karat – 1. Simpulan *benang asing* yang menggantikan lidi songket sebagai tanda corak. 2. Bahagian *karat* yang berupa benang asing yang diregangkan berpanca antara dua pasang anak geligin sebagai pemegang *benang lungsin*. *butang*, *benang butang*, *benang angkat butang/benang butang*, *karat butang*

gigi belalang – *Benang lungsin* yang telah dibilang untuk menentukan *tekat tiga* atau *tekat lima*.


kambi – Dua urat *benang lungsin*.

Pentakrifan yang diberikan di atas disusun berdasarkan peta konsep yang telah dibina. Setiap konsep ditakrifkan berasaskan kedudukannya dalam peta konsep dan penghuraian dijelaskan berasaskan ciri-ciri intrinsik dan ekstrinsik bagi setiap konsep. Pelabelan atau penamaan konsep atau jelasnya pemberian istilah kepada objek dilakukan setelah jelas kedudukan konsepnya. Hubungan yang tertera di atas memperlihatkan kedudukan bahan sebagai superordinat manakala benang sebagai subordinat. Terdapat hubungan yang menegak benang dengan dua benang yang lain, iaitu benang tenun dan benang asing. Walaupun kedua-duanya berada pada aras yang sama dalam sistem konsep yang menerangkan terdapat banyak persamaan ciri tetapi ciri pembeza telah meletakkannya dalam kategori yang berbeza. Ciri ekstrinsik yang terdapat pada konsep ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu tujuan dan asal-usul misalnya benang tenun berasal daripada kapas, sutera, poliester, emas, dan perak yang ditunen menjadi kain, manakala benang asing daripada nilon, guni, dan jerami yang digunakan sebagai alat bantu menenun seperti membuat karat, mengikat butang, mengikat sumbi, dan genu serta menjalin karat. Tujuan atau fungsi benang dinyatakan sebagai alat bantu merupakan ciri ekstrinsik yang agak ketara dalam konsep ini. Ciri-ciri ekstrinsik ini penting sebagai pembeza dua konsep serta pemberian istilah kepada objek. Dalam kajian oleh Azman Muda (1972) tentang penenunan songket di Terengganu mendapati bahawa bahan mentah digunakan dalam menenun songket. Bahan ini dikatakan mempunyai alternatif antara benang kapas atau benang sutera. Benang kapas ini juga dikenali sebagai benang setuli di kalangan pengusaha songket. Bentuk ini merupakan sinonim kepada benang kapas dari segi konsep bahan.

Dari segi hubungan istilah dengan konsep pula, terdapat ciri keunivokalan dalam terminologi seni tenun, yakni satu istilah diperuntukkan bagi satu konsep sahaja, iaitu kambi. Padanan istilah-konsep yang memperuntukkan satu istilah kepada satu konsep sahaja ini dikenali sebagai mononimi. Dari segi kesinoniman, terdapat dua atau lebih istilah yang diperuntukkan kepada konsep yang sama, iaitu benang lungsin dan lungsin, benang pakan dan pakan, manakala bagi butang mempunyai sinonim benang butang, benang angkat butang, dan karat butang. Tanda garis miring digunakan sebagai penanda sinonim dalam peta konsep. Terdapat juga jargon, iaitu istilah khusus bagi bidang tertentu yakni gigi belalang. Gigi belalang merujuk kepada benang lungsin yang telah dibilang untuk menentukan tekat tiga

atau tekat lima, yakni satu lagi ciri ekstrinsik yang kelihatan pada konsep ini. Hubungan pepenjuru atau diagonal juga kelihatan dalam peta konsep ini, iaitu hubungan antara benang pakan atau pakan dengan gigi belalang. Ciri yang sama antara kedua-dua istilah tersebut ialah asal-usulnya daripada benang kapas, sutera, poliester, emas, atau perak serta digunakan untuk menenun. Hal ini berbeza dengan asing yang digunakan sebagai alat bantu sahaja. Secara keseluruhannya, peta konsep di atas memperlihatkan hubungan hirarki dalam hubungan konsep dengan istilah.

Satu lagi hubungan dalam sistem konsep ini yang tergolong dalam kumpulan hirarki ialah hubungan bahagian-seluruh (*part-whole*). Bentuk hubungan ini dapat dianalisis berdasarkan rajah di bawah:



**Rajah 3 : Pemetaan Konsep Hasil Seni Tenun**

Peta konsep di atas memperlihatkan kedudukan hasil sebagai superordinat manakala selendang dan kain sebagai subordinat. Hubungan ini mendatar kerana susunan spesies ini berdasarkan ciri utama sebagai satu keluaran yang diperolehi daripada proses tenun. Hubungan partitif terbentuk apabila subordinat kain dipecahkan kepada bahagian yang lebih kecil, iaitu kaki kain, badan kain/tubuh kain, kepala kain, dan tepi kain. Kepala kain juga mempunyai partitifnya tersendiri, iaitu kapit/ombak-ombak. Unsur kesinoniman terdapat pada istilah kapit dan ombak-ombak, serta badan kain dan tubuh kain. Selain daripada itu, kepoliseman juga kelihatan dengan penamaan istilah kaki kain, kepala kain, dan badan kain. Perbezaan makna muncul disebabkan tafsiran yang berbeza, misalnya kepala bagi orang, kepala bagi jawatan, kepala bagi benda (kain sarung). Kemunculan beberapa istilah yang dapat mendukung pelbagai konsep tidak dapat dielakkan. Hal ini disebabkan jumlah konsep yang wujud begitu besar sedangkan jumlah perbendaharaan kata dalam satu-satu bahasa agak terhad. Implikasinya penggunaan istilah yang bersifat polisem ini akan menimbulkan kekeliruan kepada pengguna. Oleh itu perlulah digubal istilah yang berbeza untuk menggantikan istilah yang mengelirukan tersebut.

Pemetaan sistem konsep di atas merupakan satu pemaparan usaha melestarikan bahasa Melayu mengikut prosedur yang ditetapkan oleh badan terminologi antarabangsa dan diamalkan di seluruh dunia. Felber (1995)



mengatakan bahawa istilah ialah penciptaan yang sengaja. Dalam terminologi, penggunaan bahasa yang bebas akan menyebabkan kekacauan bahasa. Oleh sebab itu pakar terminologi bersetuju tentang keperluan konsep dan istilah disatukan. Oleh itu usaha melestarikan warisan budaya kita bukanlah hanya dengan membuat dokumentasi pensejarahan semata-mata tetapi perlu digerakkan pengumpulan istilah budaya tempatan melalui kaedah dan prosedur yang lebih bersistem dan teratur. Inventorisasi kata ini boleh dilakukan dalam bentuk leksikografi atau terminologi malah juga boleh disusun dalam bentuk tesaurus. Bagi bidang terminologi, prinsip yang dipegang menitikberatkan analisis konsep, penentuan intensinya, kajian tentang hubungan konsep dengan istilah, pemetaan konsep, pemerihalan konsep yakni pentakrifan, dan pemilihan lambang atau kata yang sesuai bagi penggubalan istilah baharu.

Hubungan selanjutnya memperlihatkan kelainan dengan peta konsep sebelumnya kerana peta konsep ini merangkumi hubungan partitif (seluruh-bahagian) dengan hubungan generik- spesies. Sekiranya kedua-dua bentuk hubungan ini wujud dalam satu peta konsep, hubungan ini dikatakan hubungan non-hirarki atau istilah yang sering digunakan ialah hubungan asosiatif.

Hubungan antara istilah dan konsep dihuraikan berdasarkan ciri-ciri yang terdapat pada sesuatu istilah. Kesinoniman wujud apabila satu atau lebih istilah diperuntukkan kepada konsep yang sama manakala homonimi pula merujuk kepada bentuk istilah luaran sahaja yang sama yakni dari segi ejaan dan bunyi diperuntukkan kepada konsep yang berbeza. Namun begitu dalam kerja terminologi, unsur kesinoniman seboleh-bolehnya dielakkan. Ini kerana beban fikiran dan kekeliruan akan ditanggung oleh pengguna istilah. Jalan penyelesaiannya ialah cuba mengelakkan penggunaan sinonim bagi istilah yang sudah mantap penggunaannya selaras dengan amalan terminologi peringkat antarabangsa yang tidak menggalakkan penggunaan sinonim. Terdapat juga unsur kepoliseman yang merujuk kepada satu istilah diperuntukkan kepada dua atau lebih istilah yang saling bergantung. Unsur ini dapat dilihat berdasarkan pembahagian kek itu sendiri kepada kepala, badan, dan hujung. Selain daripada itu anian juga dapat dibahagikan kepada bahagian anak, kepala, dan tapak. Anian merupakan istilah yang mendukung satu konsep sahaja. Walau bagaimanapun, anian mempunyai hubungan partitif sebagai bahagian-seluruh dengan anak, tapak, dan kepala. Ciri-ciri intrinsik pada setiap objek akan memberikan nilai pembeza bagi satu istilah misalnya anak anian merupakan kayu bulat berukuran 20 sm tinggi yang dipasang pada bahagian tapak anian untuk menyusun benang lungsin dan istilah ini bersinonim dengan kayu anian. Ciri-ciri ini merupakan input penting bagi penyediaan takrif. Satu konsep boleh diperihalkan menerusi takrif ataupun menerusi keterangan. Sekiranya dalam kes tertentu takrif tidak dapat diberikan, sekurang-kurangnya keterangan tentang konsep haruslah diberikan. Takrif merupakan kunci bagi sebarang kerja saintifik (Felber, 1995).

Hubungan antara istilah dan konsep dihuraikan berdasarkan ciri-ciri yang terdapat pada sesuatu istilah. Kesinoniman wujud apabila satu atau lebih istilah diperuntukkan kepada konsep yang sama manakala homonimi pula merujuk kepada bentuk istilah luaran sahaja yang sama yakni dari segi ejaan dan bunyi diperuntukkan kepada konsep yang berbeza. Namun begitu dalam kerja terminologi, unsur kesinoniman seboleh-bolehnya dielakkan. Ini kerana beban fikiran dan kekeliruan akan ditanggung oleh pengguna istilah. Jalan penyelesaiannya ialah cuba mengelakkan penggunaan sinonim bagi istilah yang sudah mantap penggunaannya selaras dengan amalan terminologi peringkat antarabangsa yang tidak menggalakkan penggunaan sinonim.


Terdapat juga unsur kepoliseman yang merujuk kepada satu istilah diperuntukkan kepada dua atau lebih istilah yang saling bergantung. Unsur ini dapat dilihat berdasarkan pembahagian kek itu sendiri kepada kepala, badan, dan

hujung. Selain daripada itu anian juga dapat dibahagikan kepada bahagian anak, kepala, dan tapak. Anian merupakan istilah yang mendukung satu konsep sahaja. Walau bagaimanapun, anian mempunyai hubungan partitif sebagai bahagian-seluruh dengan anak, tapak, dan kepala. Ciri-ciri intrinsik pada setiap objek akan memberikan nilai pembeza bagi satu istilah misalnya anak anian merupakan kayu bulat berukuran 20 sm tinggi yang dipasang pada bahagian tapak anian untuk menyusun benang lungsin dan istilah ini bersinonim dengan kayu anian. Ciri-ciri ini merupakan input penting bagi penyediaan takrif. Satu konsep boleh diperihalkan menerusi takrif ataupun menerusi keterangan. Sekiranya dalam kes tertentu takrif tidak dapat diberikan, sekurang-kurangnya keterangan tentang konsep haruslah diberikan. Takrif merupakan kunci bagi sebarang kerja saintifik (Felber, 1995).

Hubungan antara istilah dan konsep diuraikan berdasarkan ciri-ciri yang terdapat pada sesuatu istilah. Kesinoniman wujud apabila satu atau lebih istilah diperuntukkan kepada konsep yang sama manakala homonimi pula merujuk kepada bentuk istilah luaran sahaja yang sama yakni dari segi ejaan dan bunyi diperuntukkan kepada konsep yang berbeza. Namun begitu dalam kerja terminologi, unsur kesinoniman seboleh-bolehnya dielakkan. Ini kerana beban fikiran dan kekeliruan akan ditanggung oleh pengguna istilah. Jalan penyelesaiannya ialah cuba mengelakkan penggunaan sinonim bagi istilah yang sudah mantap penggunaannya selaras dengan amalan terminologi peringkat antarabangsa yang tidak menggalakkan penggunaan sinonim.

Terdapat juga unsur kepoliseman yang merujuk kepada satu istilah diperuntukkan kepada dua atau lebih istilah yang saling bergantung. Unsur ini dapat dilihat berdasarkan pembahagian kek itu sendiri kepada kepala, badan, dan hujung. Selain daripada itu anian juga dapat dibahagikan kepada bahagian anak, kepala, dan tapak. Anian merupakan istilah yang mendukung satu konsep sahaja. Walau bagaimanapun, anian mempunyai hubungan partitif sebagai bahagian-seluruh dengan anak, tapak, dan kepala.

Ciri-ciri intrinsik pada setiap objek akan memberikan nilai pembeza bagi satu istilah misalnya anak anian merupakan kayu bulat berukuran 20 sm tinggi yang dipasang pada bahagian tapak anian untuk menyusun benang lungsin dan istilah ini bersinonim dengan kayu anian. Ciri-ciri ini merupakan input penting bagi penyediaan takrif. Satu konsep boleh diperihalkan menerusi takrif ataupun menerusi keterangan. Sekiranya dalam kes tertentu takrif tidak dapat diberikan, sekurang-kurangnya keterangan tentang konsep haruslah diberikan. Takrif merupakan kunci bagi sebarang kerja saintifik (Felber, 1995).



Rajah 4 : Pemetaan Konsep Alat Seni Tenun

Pentakrifan bagi peta konsep di atas adalah seperti yang berikut:

kek – Alat menenun kain yang terdiri daripada *kepala kek*, *badan kek*, dan *hujung kek*.

rahat-ruing – Alat yang terdiri daripada *rahat* dan *ruing* untuk menerai benang

anian – Alat untuk memungut dan menyusun *benang lungsin* mengikut panjang dan lebar kain yang dikehendaki.

tiang kek – Bahagian kek yang terdiri daripada empat batang kayu tegah dipasang pada kedua-dua sisi kek.

papan duduk – Bahagian *kepala kek* yang menjadi tempat duduk penenun.

pesa – Bahagian *kepala kek* yang berfungsi sebagai tempat menggulung kain yang ditenun.

sumbi – Bahagian *kepala kek* yang berupa sebilah kayu nibung yang berkuku di kedua-dua hujungnya, di bahagian tengahnya bergelung tali untuk disangkutkan pada bahagian tengah lerang kain. Digunakan untuk menegangkan lerang kain semasa menenun.

kuku sumbi – Bahagian hujung sumbi yang berupa cangkuk untuk mencangkukkan *sumbi* pada kain.

pengikat sumbi – Bahagian sumbi yang terdiri daripada beang yang mengikat kuku sumbi pada kiri kanan sumbi.

lidi pesa – Bahagian *kepala kek* yang berupa lidi yang disisipkan pada punca kain dan kemudian disangkutkan pada *kuku pesa*.

belebas pesa – Bahagian *pesa* yang terdiri daripada sebatang kayu yang menghubungkan tiang pesa.

tiang pesa – Bahagian *pesa* yang terdiri daripada 2 batang kayu yang dipasang tegak untuk menyokong kayu pesa.

kayu pesa – Bahagian *pesa* yang terdiri daripada sebatang kayu segi empat melintang di atas *tiang pesa*. Sanding bahagian yang menjadi tempat menggulung tenunan diraut tidak tajam, dan salah satu bahagian mukanya berlurah dan berkuku untuk menjadi tempat menyangkut punca kain.

kuku pesa – Bahagian *kayu pesa* yang dibuat daripada paku, yang dipakukan menembusi lurah untuk menyangkutkan lidi pesa.

lurah pesa – Bahagian *kayu pesa* yang berlaur tempat kuku pesa.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelestarian istilah warisan budaya Melayu perlu diusahakan dengan lebih gigih demi menjamin kesinambungan bahasa Melayu menghadapi cabaran globalisasi. Banyak kosa kata dalam seni pertukangan Melayu yang boleh diterapkan ke dalam bidang ilmu yang lain sekiranya konsep yang didukungnya sama. Dalam terminologi bahasa Melayu, pendekatan konsep dan pentakrifan ini amat sesuai bagi memperlihatkan keunggulan bahasa Melayu mendukung konsep bidang teknologi seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Peranan ini bukan sahaja perlu dipikul oleh badan pelaksana perancangan bahasa seperti Dewan Bahasa dan Pustaka di Malaysia dan Brunei Darussalam, dan Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa di Indonesia malah institusi pengajian tinggi perlu menyusun langkah menjalankan penyelidikan ke arah pelestarian kosa kata Melayu dan bahasa serumpun.

## Rujukan

- Aman Muda 1972. *Perusahaan Songket di Terengganu*. Latihan Ilmiah sarjana Muda Pengajian Melayu. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Felber, H. 1995 *Panduan Peristilahan* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. (Diterjemahkan oleh Zahrah Ghafur dan Salamiah Mat Sah, teks asal *Terminology Manual*, First Edition, Vienna, Austria)
- Sager, 1995 *Kursus Amali Dalam Pemprosesan Istilah* Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka. (Diterjemahkan oleh Juan C. Sager, teks asal *A Practical Course in Terminology Processing* Masterdam : Benjamin Publishing)
- Glosari Istilah Budaya Malaysia : Seni Tenun* 1993 Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Dewan Edisi Keempat* 2005 Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zubaidi Abas, 2000 "Takrif Alat Pembentukan Istilah" dlm. *Jurnal Bahasa*, Jil. 44. Bil. 10 .
- "Seni Tenun Melayu" daripada Kementerian Kebudayaan dan Warisan <http://malaysiana.pnm.mv/04/0404kaintenun.htm> . Dipetik pada 12 Oktober 2006